

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN



NOTIS SEBUTHARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

2.

NO. SEBUT HARGA : JPS/KN/KB/PPPP/SH/17/2026(P)

TAJUK : KERJA-KERJA PENGGALIAN DAN PEMULIHARAAN KOLAM TAKUNGAN BANJIR SERTA KERJA BERKAITAN DI KG PASIR KOTA, KOTA BHARU, KELANTAN.

3. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Kontraktor (PKK), Sijil Taraf Bumiputra (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau PPK di bawah bidang berikut:

Gred	Kategori	Pengkhususan
G2	CE	CE21 – Pembinaan Kejuruteraan Awam

4. Segala maklumat dan dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Pejabat Jurutera Jajahan Jabatan Pengairan dan Saliran Jajahan Kota Bharu, Jalan Sultan Yahya Petra, 15200 Kota Bharu, Kelantan** mulai dari **18/08/2026 (Selasa)**.
5. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** (PPK dan SPKK) yang dikeluarkan oleh CIDB dan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
6. Kontraktor yang ingin memasuki sebut harga di atas adalah dikehendaki mengeluarkan Wang Pos/Wang Kiriman Pos/Bank Deraf berharga **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Ringgit Sahaja)** yang dibuat atas nama **Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan** sebagai bayaran dokumen sebut harga.
7. Taklimat dan Lawatan Tapak sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang menghadiri taklimat dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. Kontraktor hendaklah melaporkan diri pada **18/08/2026 (Selasa)** pada jam **8.30** pagi di **Pejabat Jurutera Jajahan JPS Jajahan Kota Bharu**.
8. Bagi sesi taklimat sebut harga hanya penama yang tercatat dalam sijil PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK/SPKK/PUKONSA atau UPKJ. (ruj:Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Pindaan 1 Jun 2025).

9. Kontraktor hendaklah membawa bersama Sijil Pendaftaran (Asal) dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), PUKONSA, UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera serta satu Salinan sijil-sijil berkenaan untuk simpanan dan rekod pejabat ini semasa sesi taklimat.
10. Sila bawa cop beralamat untuk memudahkan urusan pendaftaran semasa taklimat dijalankan. Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat sahaja boleh menghadiri taklimat sebut harga.
11. Sebut harga ini akan ditutup pada **26/08/2026 (Rabu)**. Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Jurutera Jajahan JPS Jajahan Kota Bharu, Jalan Sultan Yahya Petra, 15200 Kota Bharu, Kelantan** tidak lewat dari jam **12.00** tengahari pada hari tersebut.
12. Penyebut harga boleh menghantar Dokumen Sebut Harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier menggunakan alamat seperti di atas. Jika sebut harga ini dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan seperti di atas sebelum/pada Tarikh Tutup Sebut Harga selewat-lewatnya pada pukul **12.00** tengahari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
13. Tiada maklumat berkenaan sebut harga boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.

Tandatangan



Nama : **ASRAF BIN OMAR**
Jawatan : **Jurutera Jajahan J12**
Jabatan : **Jabatan Pengairan Dan Saliran**
Tarikh : **12/08/2026**
Jajahan Kota Bharu